



Ester





Published by the Comic Bible Society, LLC
Copyright © 2021

Kingstone Comics maintains copyright to this comic book as provided by United States copyright law.

Print and digital copies of this version may be freely distributed without penalty under a Creative Commons license.



IBU, TOLONG! AYAH
SUDAH TIADA!

JANGAN
TINGGALKAN
SAYA
SENDIRIAN...

HADASA, BINTANG
KECILKU, KAMU TIDAK
PERNAH AKAN
SENDIRIAN...



SUDAH TENTU,
IBU SAUDARAKU...
SUDAH TENTU
SAYA AKAN
MENJAGANYA.

SEPERTI ANAK
SAYA SENDIRI!



ESTER,
DENGARLAH
SEPUPUMU.

AYAHNYA DAN
AYAHMU, ABIHAIL,
BUKAN SAHAJA
BERSAUDARA DALAM
NAMA TETAPI JUGA
DALAM IMAN.

WALAUPUN DI
PERSIA, JAUH DARI
TANAH AIR KITA, KITA
HARUS TETAP
MENGIKUTI TRADISI
KITA.



IBU DAN AYAHMU...
HANYA INGIN KAMU...
MORDEKHAI AKAN
MENJAGAMU...
MENGAJARMU..

IBU, TOLONG
JANGAN!
TOLONGLAH!



IBU!

IBUUUU!!!

TIDAK! JANGAN
TINGGALKAN SAYA!

TOLONG,
JANGAN
TINGGALKAN
SAYA
SENDIRIAN!



SAYA TIDAK
MEMPUNYAI
SESIAPA LAGI!

SAYA
SENDIRIAN!

TIDAK,
HADASA!
TIDAK!
KAMU TIDAK
SENDIRIAN!

KAMU TIDAK AKAN
SENDIRIAN... TIDAK
AKAN SENDIRIAN



HADASA!
HADASA!!



YERUSA!
HALO!

SUDAH KAMU
MENDENGAR
KHABAR?
MEIRA SUDAH
BERTUNANG!

BELUM!
DENGAN SIAPA?



ENTAHLAH. WANITA SEPERTI DIA,
CUKUP BERUNTUNG ADA YANG
MAHU.

OH IYA, SUDAHKAH KAMU
MENDENGAR RANGANGAN
RAJA?

YA. RASANYA,
HANYA YANG TINGGAL
DI GUA YANG BELUM
MENDENGAR
BERITA ITU.

SAYA TAK SANGGUP
MENJADI PENGANTIN RAJA
AHASYWEROS. LIHATLAH APA
YANG TERJADI KEPADA ISTERINYA
YANG TERAKHIR!



SAYA MASIH TIDAK FAHAM APA YANG BERLAKU KEPADA PERMAISURI WASTI.

INGATKAH KAMU PESTA BESAR DI SUSAN BEBERAPA TAHUN YANG LALU, DI MANA SEMUA ORANG HARUS BERPESTA?

RAJA AHASYWERO SEBENARNYA TELAH MERANCANG PEPERANGAN DENGAN YUNANI TETAPI TELAH KALAH, LALU MENGADAKAN JAMUAN BESAR BAGI SEMUA PEMESAR DAN PEGAWAINYA.

SEMENTARA ITU, DI DALAM ISTANA PERMAISURI WASTI JUGA MEMBERIKAN JAMUAN SENDIRI DAN TELAH DIPANGGIL RAJA UNTUK DATANG KE PESTANYA.

DENGAR KHABAR, BAGINDA TIDAK DATANG KERANA RAJA MAHU MEMPERLIHATKANNYA DI HADAPAN PARA TETAMU YANG SEDANG MABUK. BAYANGKANLAH BAGINDA HARUS MENGHARUNGI KOMEN-KOMEN LUCAH!

SAYA JUGA MENDENGAR CERITA YANG LEBIH KURANG SAMA. RAJA ATAU BUKAN, SAYA TIDAK DAPAT MEMBAYANGKAN MENGAPA BAGINDA SANGGUP MEMALUKAN PERMAISURINYA BEGITU.

DENGAR-DENGAR, PERMAISURI SANGAT CANTIK...

BUKANKAH DIA JUGA BERTITAH SUPAYA SETIAP ISTERI HARUS MENGHORMATI SUAMI?

YAI! DAN SEKARANG, EMPAT TAHUN KEMUDIAN, DIA MENCARI PERMAISURI YANG BARU.

SEORANG ISTERI YANG CANTIK – PERAWAN TERCANTIK DI PERSIA, ITU YANG DIA CARI-CARI.

NASIB BAIK SAYA SUDAH BERNIKAH, JADI SAYA TERSELAMAT DARI MENJADI YANG TERPILIH!



KESIMPULANNYA, RAJA MAHU MENUNJUK-NUNJUKKAN KECANTIKAN PERMAISURI, BAGINDA INKAR, LALU MENGUSIRNYA!



SAMPAIKAN SALAM TAHNIAH SAYA KE MEIRA!

BILALAH KAMI AKAN MENDAPAT BERITA SEDEMIKIAN DARI KAMU?

KAMU YANG TERAKHIR ANTARA KITA SEMUA, SEdangkan kamu cantik sekali. kami semua sangka kamu yang paling pertama dipunyai.

SEPUPU SAYA ORANG YANG SIBUK; MANALAH ADA MASA UNTUK MENCARI SUAMI UNTUK SAYA!

HA! LEBIH BAIK DIA JANGAN TUNGGU LAMA-LAMA!



MENURUT SAYA, KALAU LAH RAJA AHASYWERO MELUANGKAN LEBIH BANYAK MASA MENGATUR STRATEGI PERANG DARIPADA BERPESTA, RASANYA DIA BOLEH MENANG PERANG-PERANG TERSEBUT.

ADA BETULNYA.

SATU, YA.

UNTUK SEPUPU KAMU, YA?

ESTER 1:1-22



TENTULAH! INI KESUKAANNYA!

DIA BERUNTUNG SEKALI, ADA KAMU UNTUK MENJAGANYA!

KAMU SILAP; SAYALAH ORANG YANG CUKUP BERUNTUNG KERANA ADA DIA UNTUK MENJAGA SAYA!

3



MORDEKHAH!

HADASSAH!
APA YANG
SEDANG KAMU
BUAT DI
SINI?

SAYA BERHARAP
UNTUK BERTEMU
SEBELUM KAMU
BERANGKAT!

AH, ESTER,
BINTANG
KECILKU...

MORDEKHAH,
JANGANLAH MEMANGGIL
SAYA ESTER.

ITUKAN NAMA PARSI
DAN BUNYINYA SANGAT
MIRIP SALAH SATU TUHAN
MEREKA! NAMA SAYA
HADASA!

NAMA SAYA
JUGA NAMA PARSI,
NAK.



LIHALAH DANIEL!
DIA TIDAK MAHU
DIPANGGIL BELTSAZAR!

BENAR,
TETAPI SUATU
NAMA TIDAK AKAN
MENGUBAH
SIAPA DIRIMU.

BENAR,
KATAMU...

...TAPI KATAKU
BENAR JUGA!



OH, HADASA, SESUNGGUHNYA
KAMU INI SUKACITA DALAM
KESENGSARAAN!

KESENGSARAAN?
ADA APA, SEPUPUKU?



BEKERJA SEHARIAN
BERSAMA ORANG AGAG
SOMBONG BERNAMA
HAMAN ITULAH
MASALAHNYA!

KENAIKAN PANGKAT,
MENDAHULUI YANG
LAIN, NAIK STATUS!
ITU SAHAJA YANG DIA
PEDULI!



SAYA PULA? MALAS
BERMAIN-MAIN POLITIK,
CUKUPLAH DIRI INI
SEADANYA DAN BEKERJA
KERAS.

ITULAH SEBABNYA
STATUSMU SUDAH HAMPIR
SAMA DENGAN DIA--

KAMU!
BERHENTI!!



HEI GADIS,
SIAPA
NAMAMU?

SIAPA KAMU?
APA YANG KAMU
MAHU DARI KAMI?

"KAMI"? SAYA
TAK PEDULI
TENTANG KAMU;
GADIS INI YANG
SAYA MAHU.

KATAKAN, GADIS,
ADAKAH LELAKI INI
SUAMIMU?



KAMI SEPUPU.
APA YANG KAMU
MAHU DARI DIA?

TUAN,
TOLONGLAH KE TEPI,
DAN BENARKAN SAYA
BERBICARA BERSAMA....
SEPUPU KAMU.



MORDEKHAH!
TAK APA!

APA YANG
KAMU PERLU
TAHU?

SAYA TIDAK
MELALUKAN APA-APA
KESALAHAN DAN
SEPUPU SAYA SEORANG
RAKYAT
TERHORMAT.

KAN SUDAH
SAYA KATA, SAYA
TAK PEDULIKAN
SEPUPU KAMU!

TOLONG,
KATAKAN...



ADAKAH
KAMU MASIH
PERAWAN?



SAYA TAHU
APA YANG
KAMU MAHU!

DAN KAMU
TIDAK AKAN
MENGAMBIL
DIA!





TIDAK!
BERHENTI!



KAMU AKAN
IKUT SAYA.

SEKARANG.

SAYA BERKUATKUASA
UNTUK MEMBAWA SESIAPA
YANG SESUAI UNTUK NIAT
RAJA MENCARI SEORANG
ISTERI.

DAN KAMU,
MENURUT SAYA,
SESUAI UNTUK
RAJA.



JANGAN, TOLONG
JANGAN AMBIL SAYA
DARI MORDEKHAH!

TOLONGLAH!
HANYA DIALAH
YANG SAYA PUNYAI
DAN HANYA SAYALAH
YANG DIA PUNYAI!



TERHARUNYA.



BANYAK GADIS
DI SELURUH KOTA YANG
INGIN MENJADI
PERMAISURI!

JADI, CARILAH
SESEORANG YANG
BENAR-BENAR
MENGINGINKAN INI!

SAYA TAK
PEDULI APA YANG
KAMU MAHU
YA, CIK!

YANG PENTING
APA YANG TUAN RAJA
AHASYWEROS MAHU!

TAPI, JANGANLAH
RISAU TENTANG
SEPUPUMU.



UNTUK SETAHUN KE DEPAN,
KAMU SERTA EMPAT RATUS GADIS
LAIN AKAN DIDIDIK DENGAN SENI-SENI
KEWANITAAN UNTUK MENJADI
SEORANG PERMAISURI.

NANTI, RAJA AKAN
MELUANGKAN SEMALAM
UNTUK SETIAP CALON DAN
AKAN MEMILIH
PERMAISURINYA.

KALAU SETELAH ITU,
RAJA AHASYWEROS
MENYINGKIRKAN KAMU.
KAMU BOLEHLAH
KEMBALI KE
SEPUPU KAMU.





BENARKANLAH
SAYA MENGUCAPKAN
SELAMAT TINGGAL
KEPADA SEPUPU
SAYA.

APA?
TIDAK!

CEPAT SIKIT!



MORDEKAI, KAMI
BOLEH MEMBERONTAK,
TAPI APAKAH
KESANNYA NANTI?

SAYA TIDAK
SANGGUP
KEHILANGAN KAMU,
ESTER! KAMU SEPERTI
ANAK SAYA!

DAN KAMU
IBARAT BAPA
SAYA YANG TELAH
BANYAK
MENGAJAR SAYA.

SAYA AKAN INGAT
SEGALA YANG KAMU
AJARKAN TENTANG
NENEK MOYANG KITA.



JANGAN
DEDAHKAN
KEPADA SESIAPA
BAHAWA KAMU
ORANG IBRANI.

RAMAI YANG TIDAK
SENANG DENGAN BANGSA
KITA KERANA PENCAPAIAN
KITA DALAM
PEMERINTAHAN INI.



INGATLAH, KAMU
TIDAK PERNAH
SENDIRIAN.



"TIDAK PERNAH
SENDIRIAN..."

JANGAN RISAU,
MORDEKAI, SETELAH
RAJA MELIHAT SAYA DAN
MENYINGKIRKAN SAYA,
SAYA AKAN PULANG.

DAN MEMBAWA
BUAH-BUAHAN
UNTUK KAMU!



SIAPA NAMAMU?

HADA—ER,
ESTER, TUAN.

ESTER. MAKSUDNYA
BINTANG, BUKAN? NAMA
YANG SECANTIK ORANGNYA.

MARILAH, KITA
AKAN MEMULAKAN
PELATIHAN SEGERA...



SELAMAT DATANG,
PARA PERAWAN
SEKALIAN KE ISTANA
RAJA AHASYWEROS!

ANDA PASTI FAHAM
TUJUAN ANDA
BERADA DI SINI!



ANDA DI SINI UNTUK SATU
TUJUAN SAHAJA: UNTUK
MENYENANGKAN HATI
RAJA!

DAN UNTUK SETAHUN INI, KAMI
AKAN MENGAJAR KAMU CARA-CARA
PENAMPILAN DIRI, CARA TUTUR
DAN CARA TINGKAH YANG BETUL
UNTUK MENCAPI TUJUAN ITU!

DENGAR DAN
BELAJARLAH, KERANA,
SEMOGALAH, SALAH
SEORANG DARI ANDA AKAN
DINOBTAKAN SEBAGAI
PERMAISURI...

...DAN SEMUA YANG
KAMU PERLUKAN AKAN
DIBAWAKAN KEPADA KAMI.
MINTA SAHAJA DARI SAYA
ATAU PARA PELAYAN
YANG LAIN.

DAN INI...
CERMIN INI?
UNTUK APA,
SHABNAN?

KALAU KAMU MAHU
MENCANTIKAN DIRI,
KAMU HARUS BOLEH
MELIHAT DIRI SENDIRI.

PERNAHKAH KAMU
BERHENTI DAN
MENGAMAT-AMATI
PANTULAN DIRI KAMU
DI PERMUKAAN AIR?
BERGITULAH
IBARATNYA.

SAYA TIDAK
PERNAH.

SAYA PASTI SELALU
BERBUAT BERGITU
KALAU SAYA
SECANTIK KAMU...

...KAMU JANGAN HANYA
KELIHATAN CANTIK, TETAPI
HARUSLAH BERBAU WANGI.
DERIA BAU MERUPAKAN SALAH
SATU DERIA YANG PALING
BESAR KUASANYA.

TERMASUK
BAGI KAMU,
HEGAI?

SAYA MENDAPATI KUASA
DERIA BAU ITU BUKANLAH
TERLETAK PADA AROMA
ITU SENDIRI, TETAPI
MEMORI YANG DIBANGKITKAN
OLEH AROMA TERSEBUT.

BAGI SAYA, APABILA
MENGHIDU BAU BUNGA
LAVENDER INI, HATI SAYA
MENJADI SAYU, MENENGANG
IBU SAYA, TETAPI BAGI
LELAKI, PEMIKIRAN
MEREKA BOLEH BERUBAH
KE ARAH...



...IA SEUMPAMA BURUNG MERAK, YANG MENGGUNAKAN WARNA-WARNA BULUNYA UNTUK MEMIKAT PASANGAN.

KAMU HARU BIJAK Mencari KESEIMBANGAN DI ANTARA MENARIK PERHATIAN DAN MENGEKALKAN KECANTIKAN SEMULAJADIMU...



...KALAU KAMU MENGHADAP RAJA TANPA IZIN, KAMU AKAN MATI JIKA DIA TIDAK MENGHULURKAN TONGKAT EMASNYA KEPADAMU!

DAN JIKA RAJA MEMANGGILMU, KAMU AKAN MATI JIKA KAMU MENGHADAPNYA!

SEPERTI PERMAISURI WASTI?

ITU ISU POLITIK! JANGAN SALAH SANGKA! TIADA DI ANTARA KAMU INI ADALAH PERMAISURI WASTI...



...KAMU AKAN MENGANYAMKAN RAMBUT ORANG LAIN KEPADA KEPALAMU?



PEREMPUAN MISKIN YANG MENJUALNYA TIDAK MEMERLUKAN RAMBUT INI.



KALAU LAH RAMBUT MACAM KAMU, TAK PERLU PUN RAMBUT PALSU, ANAK BERTUAH.

SAYANG SEKALI MEREKA TIDAK BOLEH MEMBELI RAMBUT KAMU UNTUK SAYA...



...KECANTIKAN SEJATI, KELEMAH LEMBUTAN DAN KEMESRAAN, BUKAN HANYA KEGAIRAHAN.

SEJUJURNYA, HANYA SEORANG DI ANTARA KAMU SEMUA YANG FAHAM APA YANG SAYA KATAKAN.

NAMUN, RASANYA, DIA SENDIRI TIDAK SEDAR...



...MENGAPA ADA YANG HARUS MEMAKAI BEDAK?

WAHAI ESTER, SETIAP WANITA AKAN MELAKUKAN APA YANG MENURUTNYA AKAN MENJADIKAN DIA CANTIK.



...KEBANYAKAN WANITA AKAN MEMILIH UNTUK MENGGUNAKAN PAKAIAN YANG MENDEDAHKAN.

SECARA FIZIKAL, MEMANG SEPADAN UNTUK DIRIMU, ESTER, NAMUN TIDAK SEPADAN DENGAN PERSONALITIMU.

HEGAI, ADA BANYAK WANITA YANG JAUH LEBIH CANTIK.

MENGAPAKAH KAMU SUNGGUH MENGAMBIL PEDULI TENTANG SAYA?

BAGI BANYAK WANITA, ITU BERMAKSUD MEREKA HARUS MENOPENGKAN WAJAH SEBENAR MEREKA.

KAMU PULA, SAYANGKU, TIDAK MEMERLUKAN TOPENG APAPUN...

KAMU TIDAK MEMAHAMINYA, WAHAI ESTER, DAN ITU YANG MENJADIKANMU JAUH LEBIH MENAWAN.



...KAMU BOLEH MEMINTA APA SAHAJA YANG KAMU MAHU PAKAI KETIKA DIPANGGIL UNTUK MENGHADAP RAJA.

NAMUN, SAYA SARANKAN, GUNALAH PERHIASAN YANG SEDERHANA DAN DANDANAN YANG MENYERLAHKAN KECANTIKANMU, BUKAN YANG MENUTUPNYA.

IKUT SAHAJALAH ATURAN SAYA, JANGAN DARI AYAM-AYAM BETINA YANG BERLAGAK ITU--

ESTER!!



ESTER!
ESTERKU,
SAYANG!

SIAPA ITU?

ITU MORDEKHAH.
DIA BEKERJA DI PINTU GERBANG RAJA.
DIA SEPUPUKU.

ESTER, KAMU TIDAK BOLEH BERJUMPA DENGANNYA. RAJA KITA SANGAT MUDAH CEMBURU DAN KAMU UMPAMA SALAH SEORANG ISTERINYA SEKARANG.



SUDAH HAMPIR SETAHUN SAYA TIDAK MELIHAT DIA! SEJAK ORANG-ORANGMU MENGAMBILKU!

MORDEKHAH MENGANGKATKU! MENJAGAKU! MELINDUNGKU!

DAN SAYA HARUS MELINDUNGIMU SEKARANG!

ITULAH KEINDAHANNYA! KAMU AKAN TETAP BERSAMA SAYA!



OH, MORDEKHAH! SEPUPUKU, SAYANG!

MEREKA BERKATA ADA SEORANG LELAKI YANG DATANG SETIAP HARI KE PINTU GERBANG, BERTANYA-TANYA TENTANG SAYA!

SAYA TAHU ITU PASTI KAMU!



KAMU SIHAT?

YA. HEGAI, SIDA-SIDA YANG MENJAGA KAMI, SANGAT PEDULIKAN SAYA.

BAHKAN DIA MENYURUH TUJUH ORANG GADIS YANG DIPILIH KHAS DARI ISTANA RAJA UNTUK MELAYANI SAYA SERTA MEMBERI SAYA BILIK YANG TERBAIK. DAN SAYA...

SAYA TELAH LAKUKAN APA YANG DIA NASIHATKAN. DAN AKAN MENERUSKANNYA.



PELATIHAN SETAHUNNYA SUDAH SELESAI. DIA AKAN DIPANGGIL RAJA TIDAK LAMA LAGI.

OH, ESTER. JANGANLAH TAKUT. APABILA MENGHADAP RAJA, INGAT SEGALA YANG PERNAH SAYA KATAKAN.

SAYA TIDAK SENDIRIAN.


KAMU TIDAK PERNAH SENDIRIAN.

BILA TIBA MASANYA, SAYA PERCAYA KAMU AKAN MEMANCARKAN SINAR KECANTIKAN SEJAHTIMU --

"—JADILAH BINTANG
SEPERTI DIRIMU,
ESTER."



RAJA
MENGAKUI
KAMU!
MAJULAH!



ESTER 2:15



DAN
SIAPAKAH
KAMU?


HAMBA...
HAMBA...
HAD... NAMA
SAYA ESTER,
TUANKU.

TIDAK
PERLULAH MERASA
GELISAH,
ESTER.



SAYA BELUM... SAYA SUDAH
LAMA TIDAK MELIHAT
KECANTIKAN... SEPERTI
KAMU SEJAK...

TIDAK PERLULAH
MERASA GELISAH,
TUANKU.



MARI ESTER,
MARI KITA MAKAN
BERSANTAP
BERSAMA!

PARA TUKANG MASAK SUDAH
MENYEDIAKAN MAKANAN YANG
CUKUP ISTIMEWA, YANG BELUM
PERNAH DIRASAI OLEH SESIAPAPUN
YANG TINGGAL DI SINI...




...ADAKAH KAMU
MENYUKAINYA?

TUANKU, HAMBA
BERTERIMA KASIH ATAS
KEMURAHAN YANG TUANKU
SUDAH BERIKAN KEPADA
SAYA MELALUI SANTAPAN
YANG MENAKJUBKAN
INI.

DAN BETA BERTERIMA KASIH ATAS
KEBAIKANMU, ESTER KERANA SUDI
BERSANTAP BERSAMA BETA.

LAYANAN MALAM
INI TIDAKLAH
SEPERTI YANG HAMBA
JANGKAKAN,
TUANKU.



MALAM KITA BARU
BERMULA. ADA BURUNG-
BURUNG DI HUJUNG TAMAN
INI YANG BETA INGIN
TUNJUKKAN.

NAMUN, BETA TIDAK
DAPAT MENAFIKAN
BERTAPA KEINDAHAN
MEREKA TIDAK DAPAT
MENANDINGI
KEINDAHANMU.

DAN BETA JUGA
TIDAK DAPAT
MENAFIKAN PERASAAN
BETA BAHAWA MUNGKIN
SATU MALAM
BERSAMAMU, TIDAK
AKAN CUKUP...

ESTER 2:16





-- UNTUK MENJADI
PERMAISURI BETA!



BETA PERKENALKAN,
PERMAISURI ESTER!

SEKARANG, KITA
AKAN MENGADAKAN
PESTA BAGI
PENGHORMATAN AKAN
PERMAISURI BARU!

SELURUH NEGARA
AKAN MERAYAKAN
BERSAMA!!



MARI, ESTER, MARI
KITA BERSANTAP
BERSAMA!

PARA TUKANG MASAK SUDAH
MENYEDIAKAN MAKANAN YANG
CUKUP ISTIMEWA, YANG BELUM
PERNAH DIRASAI OLEH
SESIAPAPUN YANG TINGGAL
DI SINI...

LAGI? TIDAK PERNAH
TERLINTAS DI FIKIRAN
HAMBA BAHWA HAMBA
BOLEH MERASAKAN
SANTAPAN SEDEMIKIAN
KEDUA KALI SEUMUR
HIDUP HAMBA.



TUANKU,
IZINKAN HAMBA
SERTA ISTERI
MENGUCAPKAN
TAHNIAH.

BAIK, HAMAN.
DIPERSILAKAN!

ESTER,
PARAS TUANKU
SEINDAH
KHBARNYA.

TERIMA
KASIH.

ESTER!

ESTER!
KITA PERLU
BERBINCANG!

TUANKU,
BOLEHKAH
HAMBA
MEMINTA IZIN
SEBENTAR?

YA, YA, ESTER!
KEMBALILAH
SECEPAT MUNGKIN!

YA, HAMAN, BETA
MENDENGAR BAHAWA KAMU
MEMPUNYAI IDEA-IDEA
YANG UNIK!

MORDEKHAH, SUKAR SAYA
PERCAYAI APA YANG
BERLAKU!

RASANYA SEPERTI
SATU TAUHAN DAN
SAYA TERPERANGKAP
DI TENGAH-TENGAH!

BAHKAN SAYA MENDENGAR
RAJA TELAH MENGURANGKAN
CUKAI WILAYAH SEMPENA
PERAYAAN INI!

PERASAAN
SAYA
BERCAMPUR
ADUK!

MORDEKHAH,
ADA APA?

PAGI TADI, SEWAKTU
TIBA DI PINTU GERBANG
RAJA, SAYA TERDENGAR
DUA ORANG SEDANG
BERBINCANG DENGAN
MARAH.

"NAMA MEREKA BIGTAN DAN TERES - DUA ORANG
SIDA-SIDA RAJA. KAMU MUNGKIN MENGENAL MEREKA"

"MEREKA MUNGKIN MARAH KERANA
PEREMPUAN YANG MEREKA GEMARI TIDAK
TERPILIH MENJADI PERMAISURI"

"BIASANYA RAJA HAMPIR TIDAK DAPAT DIAKSES
SAMA SEKALI, NAMUN PADA WAKTU PESTA POR
BERGINI, RAJA AGAK TERDEDAH."

"DAN SAYA TELAH MENDENGAR RANCANGAN
MEREKA UNTUK MENGAMBIL PELUANG DARU
KEADAAN KUCAR-KACIR PESTA INI DAN KEDUDUKAN
MEREKA SEBAGAI PELAYAN YANG TERPERCAYA--"







TUANKU,
PERMAISURI
ESTER!

IZINKAN HAMBA
MENGHIDANGKAN
BUAH-BUAHAN
UNTUK TUANKU
PAGI INI?



BETA SELALU MENDAPATKAN
BUAH-BUAHAN INI UNTUK SEPUPU
BETA APABILA ADA
WANG LEBIH.

DAN SEKARANG,
LIHATLAH BETA!

SEPUPU TUANKU...
ADAKAH DIA
MORDEKHAI YANG
BEKERJA DI PINTU
GERBANG RAJA?

YA. BETA SEBENARNYA
MENGHARAPKAN UNTUK LEBIH
SERING BERTEMU DENGANNYA,
SETELAH DINOBATKAN SEBAGAI
PERMAISURI.

BETA JAUH LEBIH BEBAS
BERBANDING HIDUP DI ISTANA GUNDIK,
NAMUN SEJAK HAMAN DINAIKKAN
PANGKAT, BETA MALAH JARANG MELIHAT
MORDEKHAI.



MUNGKINKAH RAJA AHASYWEROS SUDAH
LUPA BAGAIMANA SEPUPU BETA
MENGAGALKAN KOMPLOT
PEMBUNUHAN ITU.

MENGAPAKAH BAGINDA MEMBERIKAN
HAMAN PROMOSI SEDEMikian
SEDANGKAN SEPUPU BETA TETAP
BEKERJA DI PINTU GERBANG RAJA?



SEPUPU TUANKU JUGA
TELAH MENCETUS
KEMARAHAN HAMAN
KETIKA ENGGAN BERSUJUD
DAN TUNDUK
KEPADA HAMAN.

HAMAN BERFIKIR
HANYA KERANA
MENDAPAT SOKONGAN
RAJA, BELIAU LAYAK
BERKELAKUAN
SEPERTI RAJA!

SEPUPU BETA
ENGGAN BERSUJUD
BUKAN UNTUK
MENYAKITKAN
HATI HAMAN.

JADI,
KENAPA?



KERANA
BELIAU...
KERANA
BELIAU...

TUANKU,
PERMAISURI
ESTER!

ADA APA,
HATAH?



TUANKU, HAMBA TAHU
TUANKU AMAT PEDULI TENTANG
LELAKI YANG BEKERJA DI PINTU
GERBANG RAJA. TUANKU BAHKAN
BEBERAPA KALI MENERIMA BELIAU
SEBAGAI TETAMU SEJAK HAMBA
DITUGASKAN MELAYANI TUANKU
SEBAGAI SIDA-SIDA RAJA. HARI
INI HAMBA MELIHAT BELIAU DI
LUAR PINTU GERBANG
RAJA.


TETAPI DI
SITULAH BELIAU
BEKERJA,
HATAH.



TIDAK,
TUANKU.

BELIAU BERADA
DI LUAR PINTU
GERBANG KERANA
TIDAK DIBENARKAN
MASUK.

TIDAK
DIBENARKAN
MASUK? APA
MAKSUDMU?



DIA MEMAKAI KAIN GUNI, DAN MEMBUBUHI KEPALANYA DENGAN ABU, LALU BERJALAN-JALAN DI KOTA SAMBIL MENANGIS DENGAN NYARING DAN PILU!

AKHIRNYA DIA TIBA DI PINTU GERBANG ISTANA, TETAPI DIA TIDAK MASUK, KERANA ORANG YANG BERPAKAIAN KAIN GUNI TIDAK DIBENARKAN MASUK.

SESUATU YANG BURUK TELAH BERLAKU.



BETA HARUS PERGI KEPADANYA!

SUDAH PASTI ADA SESUATU YANG BURUK TELAH BERLAKU!

TUANKU, JANGAN! TUANKU TIDAK BOLEH TURUN KE SANA!

TUANKU ADALAH PERMAISURI, NAMUN ADA TATA TERTIB YANG HARUS DIJAGA!

KITA HARUS MELAKUKAN SESUATU! TOLONG BAWA BELIAU KE SINI SUPAYA BETA BOLEH MEMBANTUNYA.



BELIAU TIDAK BOLEH MASUK BERPAKAIAN BERGITU!

JIKA BERGITU, HATAH, CARIKAN PAKAIAN UNTUKNYA DAN BAWA BELIAU KE SINI!

KATAKAN KEPADANYA, APAPUN PERMASALAHANNYA, BETA AKAN MENGURUSNYA!



HATAH, MANA MORDEKHAH?

AMPUN, TUANKU.

HAMBA SUDAH PUN MENDAPATKAN PAKAIAN UNTUKNYA SEPERTI YANG TUANKU MINTA.

DAN?

BELIAU ENGGAN MENANGGALKAN BAJU GUNINYA?

APAKAH YANG BERLAKU SEHINGGAKAN BELIAU TIDAK MAMPU BERHENTI MERATAP UNTUK BERJUMPA DENGAN BETA?!!

APA YANG SEDANG TERJADI?!!

HATAH! TOLONGLAH CARI DIA DAN CARI TAHU APAKAH PERMASALAHNYA!



RATU ESTER,
TUANKU MEMINTA
SUPAYA TUANKU
DIKHBARKAN APABILA
HATAH TELAH
KEMBALI.

DIA ADA
DI SINI.

TERIMA KASIH,
SHABNAN.



HATAH, ADAKAH MORDEKAI
MENCERITAKAN SEMUANYA?

YA, TUANKU.

INGATKAH TUANKU
KEJADIAN MORDEKAI
YANG ENGGAN TUNDUK
BERSUJUD KEPADA HAMAN
KETIKA BELIAU DINAikkan
PANGKAT?


YA, SAYA
INGAT.



HAMAN JUGA TIDAK
MELUPAKANNYA.

TERNYATA, MORDEKAI
TIDAK TUNDUK KERANA
BELIAU SEORANG YAHUDI.

BENARKAH
TUANKU?



YA, BENAR...
DIA... **KAMI**
ORANG YAHUDI.

KAMI PERCAYA TUHAN
SATU-SATUNYA DAN HANYA
AKAN MENYEMBAH TUHAN
YANG SATU ITU.



HAMBA
FAHAM.

DAN INI AKAN
MEMPERTARUHKAN
SEGALA YANG TUANKU
ADA.

APA
MAKSUDMU?

ADAKAH TUANKU TIDAK
TAHU TENTANG UNDANG-UNDANG
BARU YANG DIPERSETUJUI OLEH
RAJA AHASYEROS?



"TUANKU TAHU BAHAWA KETIKA HAMAN DINAikkan PANGKAT,
BELIAU MENETAPKAN BAHAWA RAKYAT HARUS BERSUJUD KEPADANYA."

"TUANKU JUGA TAHU SEPUPU
TUANKU ENGGAN MENURUT PERINTAH
ITU KERANA BELIAU SEORANG YAHUDI."

"NAMUN ADA SESUATU YANG
TUANKU TIDAK TAHU..."

"KEBENCIAN HAMAN TERHADAP MORDEKAI BUKANLAH SEKADAR KESOMBONGAN DAN POLITIK, TETAPI DARI KETURUNAN YANG MEMBENCI BANGSA TUANKU."

"BELIAU TELAH MENCABUT UNDI BAGI MENENTUKAN HARI YANG SESUAI UNTUK MEMBUNUH SEMUA ORANG YAHUDI!"



BELIAU MENGHADAP RAJA AHASYWEROS DAN MENERANGKAN BAHAWA BANGSA TUANKU TIDAK MENURUTI PERINTAH RAJA --

"-- DAN JALAN TERBAIK ADALAH UNTUK MENGHAPUSKAN MEREKA.

"BELIAU MENAWARKAN HARTA YANG BANYAK UNTUK PERBENDAHARAAN DIRAJA.



"RAJA MEMBERIKAN CINCIN YANG DIPAKAINYA UNTUK MEMETERAIKAN PENGISYTIHARAN RASMI.



"DAN TELAH MENGISYTIHARKAN PERINTAH UNTUK MENGHAPUSKAN BANGSA YAHUDI.


"DAN BARANG SIAPA YANG TERLIBAT SAMA BERHAK MERAMPAS HARTA MEREKA.

"TITAH INI BUKAN SAHAJA BERLAKU DI PERSIA, BAHKAN SETIAP WILAYAH YANG DIPERINTAHKAN RAJA AHASYWEROS.

"INI BENAR-BENAR USAHA PENGHAPUSAN PARA PENGIKUT TUHAN TUANKU SATU-SATUNYA.

"ORANG YAHUDI MERATAP DENGAN PILU.

"TERMASUKLAH SEPUPU TUANKU.



"SEDANGKAN RAJA DAN HAMAN DUDUK-DUDUK SAMBIL MINUM WAIN."



INI TIDAK MUNGKIN...

RAMAI YANG TIDAK PERCAYA TERMASUKLAH ORANG PERSIA DAN YAHUDI.

NAMUN SEGALA KETIDAKPERCAYAAN HILANG SETELAH MELIHAT SENDIRI TITAH YANG DIMETERAIKAN.

SEPUPU TUANKU MENGIRIM INI.






JADI...
TERNYATA
BENAR.

YA.

SEPUPU TUANKU
MEMOHON SUPAYA
TUANKU MENGHADAP
RAJA.

DAN MEMOHON
SUPAYA RAJA
MEMANSUHKAN
TITAH ITU.



TIDAK!!!

BELIAU SENDIRI TAHU
BAHAWA SESIAPAPUN
YANG MENGHADAP RAJA
TANPA DIPANGGIL
AKAN MATI!!

BETA TIDAK
TERKECUAL!!

SEKIRANYA BAGINDA
TIDAK MENGHULURKAN
TONGKAT EMASNYA
KEPADA BETA, BETA
AKAN MATI!!



BERITAHULAH
BELIAU BAHAWA
PERMINTAANNYA
ITU ADALAH MAUT
BAGI BETA!
PERGI!! BERITAHU
BELIAU!

TANYAKAN
MENGAPA BELIAU
SANGGUP MEMINTA
BETA MELAKUKAN
ITU?!!





SUDAHKAH KAMU
BERBICARA DENGAN
MORDEKHAİ?

APA YANG
BELIAU
KATAKAN?



BELIAU BERKATA,
TUANKU PERMAISURI
ESTER, "JANGAN SANGKA
BAHAWA KAMU LEBIH
SELAMAT DARIPADA
ORANG YAHUDI YANG
LAIN HANYA KERANA
KAMU TINGGAL
DI ISTANA.

JIKA KAMU BERDIAH
DIRI DALAM KEADAAN SEPerti
INI, ORANG YAHUDI PASTI AKAN
MENDAPAT PERTOLONGAN DARI
SYURGA, TETAPI KAMU SENDIRI
AKAN MATI DAN KELUARGA
BAPAMU AKAN BERAKHIR.



DAN KATANYA LAGI, "SIAPA
TAHU, MUNGKIN JUSTERU KAMU
SUDAH DIPILIH MENJADI
PERMAISURI--

--UNTUK
SAAT-SAAT
SEPerti INI?"



"SURUHLAH SEMUA ORANG
YAHUDI DI SUSAN BERKUMPUL.
SURUHLAH MEREKA BERPUASA
DAN BERDOA BAGI SAYA.
JANGAN MAKAN ATAU MINUM
APA-APA PUN SELAMA TIGA
HARI DAN TIGA MALAM.

SAYA SENDIRI DAN
DAYANG-DAYANG SAYA
PUN AKAN BERBUAT
DEMİKIAN.

SETELAH ITU
SAYA AKAN
MENGHADAP
RAJA.

BAIK,
TUANKU.




JIKA SAYA
HARUS MATI
KERANA HAL
ITU...

"--BIARLAH SAYA MATI!"



APA YANG SEDANG
DIA LAKUKAN?

TUANKU?
PERMAISURIKU?





YA... YA...
PERMAISURI ESTER,
BETA MENGAUIMU.

RAJA
MENGAKUI
PERMAISURI
ESTER



ESTER, APA MUNGKIN YANG
AMAT MUSTAHAK SEHINGGA
KAMU BERANI DATANG
KE SINI?

RAJAKU,
HAMBA
MEMPUNYAI
HAJAT.

APA HAJAT ADINDA,
PERMAISURI ESTER?
KATAKANLAH!
BETA AKAN
MEMBERIKANNYA.



JIKA TUANKU
BERKENAN,

HAMBA INGIN
MENJEMPUT TUANKU
KE JAMUAN MAKAN
YANG HAMBA ADAKAN
UNTUK TUANKU!



ADINDA
MEMPERTARUHKAN
DIRI UNTUK DATANG
KE SINI DAN
MENJEMPUT BETA KE
JAMUAN MAKAN?

SATU KEHORMATAN
BAGI BETA UNTUK
HADIR!

DAN HAMAN.

DAN HAMAN!



HAMAN?!?



RAMBUTMU,
ESTER, MENGALIR
DARI KEPALAMU
BAGAI AIR TERJUN.

OH, RAJAKU,
TUANKU
TERLALU
BAIK?

RASAKANLAH
BURUNG PANGGANG INI.



INI LUAR BIASA!

ESTER, TUANKU
HARUSLAH MEMINTA
TUKANG MASAK TUANKU
UNTUK BERBAGI RESIPI
INI KEPADA TUKANG
MASAK ISTERI
HAMBA!

ENAK SEKALI!!



ESTER,
SEKARANG
KATAKANLAH
KEINGINANMU,
DAN BETA AKAN
MENGABULKAN-
NYA.

APA PUN
PERMINTAAN ADINDA
AKAN BETA BERIKAN,
WALAUPUN SETENGAH
DARIPADA KERAJAAN
BETA!



TUANKU,
HAJAT HAMBA
HANYA SATU.



JIKA TUANKU BERKENAN
UNTUK MENGABULKAN
PERMINTAAN HAMBA,

HAMBA INGIN
MENJEMPUT TUANKU DAN
HAMAN SEKALI LAGI KE
JAMUAN MAKAN YANG
HAMBA ADAKAN ESOK.

NANTI PADA WAKTU ITU
HAMBA AKAN MENGAJUKAN
PERMOHONAN HAMBA
KEPADA TUANKU.



SUDAH TENTU!

LUAR BIASA
DIJEMPUT OLEH
PERMAISURI UNTUK
KALI KEDUA!

INI HAMPIR CUKUP
UNTUK MELUPAKAN
SI MORDEKHAI YANG
TAK BERGUNA ITU!

LIHAT, DEMIKIANLAH
RAJA MEMBERIKAN
PENGHARGAAN KEPADA ORANG
YANG DIHORMATINYA!!!

APA YANG
SEDANG
BERLAKU?



"SAYA TIDAK TAHU MENGAPA HAMAN TERLAMBAT."

"DENGAR-DENGAR DIA INGIN
MEMBINCANGKAN SUATU PROJEK
PEMBANGUNAN DENGAN RAJA"

"TIANG PENGKANTONGAN
SEPERTINYA."

"TETAPI RAJA TELAH
MEMANGGILNYA."



"RAJA AHASYWEROS TELAH
MEMINTA PENDAPAT HAMAN."

"ADA SEORANG YANG
HENDAK BETA BERIKAN
PENGHORMATAN AKAN JASA
BELIAU KEPADA BETA
DAN KERAJAAN INI!"

APAKAH YANG
HARUS BETA BUAT
BAGINYA?



"SAYA BOLEH MEMBAYANGKAN
APA YANG ADA DALAM FIKIRIN
SEORANG LELAKI YANG SANGAT
MEMENTINGKAN DIRI."

PERTAMA, DIJEMPUT
KE JAMUAN RAJA DAN
PERMASURI – DUA KALI! –
SEKARANG INI PULA!

INILAH YANG
AKAN SAYA
LAKUKAN!



TUANKU,
PERINTAHKANLAH AGAR
PAKAIAN KEBESARAN
TUANKU SENDIRI
DIPAKAIKAN PADA
ORANG ITU.

DAN MENUNGGANG
KUDA TUANKU YANG
DIHIAS DENGAN
LAMBAUNG-LAMBAUNG
DIRAJA.

KEMUDIAN PERINTAHLAH
AGAR SEORANG
PEMBESAR NEGARA MENGARAK
ORANG ITU MELALUI
LAPANGAN KOTA.

HENDAKLAH PEMBESAR
ITU BERSERU, 'LIHAT,
DEMIKIANLAH RAJA
MEMBERIKAN PENGHARGAAN
KEPADA ORANG YANG
DIHORMATINYA!'



BAIK,
LAKUKANNYA!

LAKUKANLAH
BAGINYA SEGALA
YANG SUDAH KAMU
CADANGKAN ITU, TANPA
MENGURANGKAN
SATU PUN.

CARIKAN PAKAIAN!

SEDIAKAN
KUDA BETA!

DAN KAMU,
HAMAN, INILAH
TANGGUNGJAWABMU –





--BERIKANLAH
SEGALA KEHORMATAN
ITU KEPADA
MORDEKHAH ORANG
YAHUDI ITU.



HAMAN SENDIRI
MENGENAKAN PAKAIAN
ITU PADAKU.

BERGITULAH
CERITANYA!

JADI, KAMU MAHU
MENERIMA PAKAIAN
DARI RAJA, TETAPI
TIDAK DARI
PERMAISURI?

LUCU SEKALI,
BINTANG
KECILKU.

SUDAHKAH
KAMU BERBICARA
DENGAN RAJA



SAYA TELAH
MENJEMPUT RAJA
KE JAMUAN KHAS
DAN MENJEMPUT
HAMAN JUGA.

HAMAN?
TIDAKKAH JAMUAN
KHAS HANYA
BERDUA BERSAMA
RAJA AKAN
MEMBERI KAMU
BANYAK
KELEBIHAN?



YA, SUDAH
TENTU.

DAN ITU YANG
RAJA AHASYWERO
INGINKAN JUGA.

TETAPI SAYA BERFIKIR
DENGAN MEMBAWA HAMAN
KETIKA RAJA AHASYWERO
INGINKAN MASA BERDUA...



HADASA, KAMU
TERLALU BANYAK
BERMAIN-MAIN POLITIK
ISTANA!

SEPUPUKU, SAYA
HANYALAH MENJADI
DIRI YANG SEBENAR.

PENGIKUT TUHAN YANG
SATU-SATUNYA, YANG TELAH
MENEMPATKAN SAYA DI SINI
UNTUK SAAT-SAAAT INI, SEPERTI
YANG KAMU SENDIRI KATAKAN.





HAMBA BARU
MEMBERITAHU ISTERI
TENTANG KEHORMATAN
YANG TUANKU
TUNJUKKAN!

YA, BETA JUGA
TERTANYA-TANYA APA
SEBABNYA ADINDA
MEMBERI KEHORMATAN
SEDEMIKIAN KEPADA...
KAMI.

HAMBALAH YANG
MERASA TERHORMAT
DENGAN KEHADIRAN
TUAKU DI SINI,
WAHAI RAJAKU.



HAI PERMAISURI
ESTER, APAKAH
KEINGINAN
ADINDA?

KATAKANLAH, DAN BETA
AKAN MEMBERIKANNYA
KEPADA ADINDA, WALAUPUN
SETENGGAH DARIPADA
KERAJAAN BETA.



JIKA TUANKU BERKENAN
MENGABULKAN KEINGINAN
HAMBA, HANYA SATU
PERMOHONAN HAMBA.

HIDUP
HAMBA.

HIDUPMU?



YA, TOLONGLAH
SUPAYA HIDUP
HAMBA
DISELAMATKAN!

BANGSA
HAMBA BOLEH
HIDUP!

APA
MAKSUDMU?




HAMBA DAN BANGSA HAMBA SUDAH DIJUAL UNTUK DIBUNUH, RAJA AHASYWEROS!

HIDUP KAMI DIBELI DENGAN WANG PERAK!

HARGA SUDAH DITARUHKAN ATAS KEPALA KAMI DAN HUKUMAN MATI KAMI SUDAH DITANDATANGANI!

KAMI SEMUA DIHUKUM MATI!!!!



SIAPAKAH YANG BERANI MELAKUKAN PERKARA ITU KEPADA PERMAISURIKU DAN BANGSANYA?

SIAPA DAN DI MANAKAH ORANG ITU?

KATAKANLAH DAN DIA AKAN BERTANGGUNGJAWAB!!!



MUSUH BANGSA HAMBA DUDUK SEMEJA DENGAN KITA!

ORANG YANG JAHAT INI!
HAMAN!!!



SAYA SEORANG YAHUDI.

SEPUPU SAYA ADALAH MORDEKHAH.

DAN HAMAN, BESAR KEBENCIANMU TERHADAP SAUDARA DAN BANGSAKU, SEHINGGA KAMU MEMERINTAHKAN PENGHAPUSAN BANGSAKU!



HAMAN!!
PEGAWAI YANG
PALING BETA
PERCAYA!!

HAMAN BERKOMLOT
UNTUK MEMBUNUH
PERMAISURIKU?!
DAN BANGSANYA?!

JANGAN BIARKAN
DIA PERGI!! BETA
PERLU BERSENDIRIAN
UNTUK BERFIKIR!!!



SUDAH SELESAI.



AMPUN TUANKU!!!
AMPUN!! HAMBA
TIDAK TAHU SAMA
SEKALI...



HABISLAH
HAMBA! KAMU
MEMBINASAKAN
AKU!!!



KAMU, HAMAN,
YANG MEMBINASAKAN
DIRIMU SENDIRI!

APAKAH KAMU BERFIKIR
BAHAWA KAMU BOLEH
MENENTANG UMAT ALLAH
YANG SATU?

IBLIS
KEJI!!



APA? ORANG
INI MASIH JUGA
BERANI MEMPERKOSA
PERMAISURI DI SINI,
DI HADAPAN BETA?
DI DALAM ISTANA
BETA SENDIRI!



MORDEKHAI!!



TUANKU, HAMAN
SUDAH MEMBINA TIANG
PENGGANTUNGAN DEKAT
RUMAHNYA. TIANG ITU
SETINGGI 22 METER.



UNTUK
MENGGANTUNG
MORDEKHAI PAGI-
PAGI BESOK!



TIDAK!



GANTUNGLAH HAMAN
PADA TIANG ITU!



BAWA DIA
PERGI!



TOLONGLAH, TUANKU,
RAJA YANG RUPANYA SECERAH
SURIA!



BAGAIMANA PULA
DENGAN JASA-JASA
YANG HAMBA LAKUKAN
SELAMA INI?



KAMU HANYA PERNAH
BERJASA KEPADA SATU
ORANG, HAMAN, DAN
ORANG ITU BUKAN BETA.



MORDEKAI,
YANG TELAH
MENYELAMATKAN
NYAWA BETA.

HAI PERMAISURI
ESTER, APAKAH
KEINGINAN ADINDA?
KATAKANLAH, DAN BETA
AKAN MEMBERIKAN-
NYA

WALAUPUN
SETENGGAH DARIPADA
KERAJAAN?

YA, SETENGGAH
DARIPADA
KERAJAAN BETA.



AMPUN, TUANKU!
PERMOHONANKU
TETAP SAMA.

KELUARKANLAH
SURAT PERINTAH UNTUK
MEMBATALKAN SURAT
PERINTAH HAMAN YANG
MENGANDUNGI PERINTAH
UNTUK MEMBINASAKAN
SEMUA ORANG YAHUDI DI
SELURUH KERAJAAN!

ESTER, WAHAI
PERMAISURIKU, KAMU
HARUS FAHAM ITU
TIDAK MUNGKIN!



BETA SUDAH
MEMBERIKAN SEMUA
HARTANYA KEPADA ESTER
DAN ADINDA BERIKAN
KEPADA SEPUPUMU.

BETA SUDAH
MENJATUHKAN HUKUMAN
GANTUNG KEPADA HAMAN
DI TIANG YANG DIBINANYA
UNTUK MORDEKAI.

NAMUN, BETA TIDAK
DAPAT MEMBATALKAN
PERINTAH YANG SUDAH
DIBUAT ATAS NAMA BETA
SENDIRI.



BAGAIMANA JIKA
TUANKU TIDAK PERLU
MEMBATALKAN
PERINTAH, TETAPI
MENITAHKAN
PERINTAH BARU?

SEBAGAI TINDAKBALAS
TERHADAP PERINTAH SEBELUMNYA?
YANG MENGIZINKAN BANGSAKU
MEMPERTAHANKAN DIRI MEREKA.

YA...



MORDEKHAI, BETA MEMBERIMU POSISI HAMAN DI ISTANAKU!

BETA MEMBENARKAN KAMU MENULIS SURAT KEPADA ORANG YAHUDI, APA SAHAJA YANG KAMU KEHENDAKI ATAS NAMA BETA DAN MEMETERAI-KANNYA DENGAN METERAI DIRAJA.

TITAH PERINTAH YANG DIMETERAI DENGAN METERAI RAJA TIDAK BOLEH DIBUBARKAN!



BENARKAN ORANG YAHUDI DI TIAP-TIAP KOTA UNTUK MEMBELA DIRI. JIKA DISERANG OLEH ORANG BERSENJATA DARIPADA BANGSA APA PUN, MEREKA DIBENARKAN MELAWAN DAN MEMBINASAKAN MUSUH ITU!

DENGAN PERINTAH SEDEMIKIAN ORANG AKAN TAKUT UNTUK MENGAPA-APAKAN KITA.

KERANA MEREKA MENYERANG ORANG YANG DISENANGI RAJA!



SEPUPUKU, SPERTINYA JUSTERU UNTUK SAAT-SAAT SERTI INILAH KAMU SUDAH DITEMPAKAN DALAM KERAJAAN RAJA AHASYWERO!

AKAN KITA TULISKAN TITAH PERINTAH UNTUK BANGSA KITA. DAN MERAYAKANNYA SETELAH URUSAN INI SELESAI.

SEBAGAI PERINGATAN AKAN KESELAMATAN DARI TUHAN?



YA, HADASA! YA!

BENAR SEKALI KATA-KATAMU, MORDEKHAI.

SAYA TIDAK PERNAH SENDIRIAN.

TIDAK PERNAH SENDIRIAN.



"THE BIBLE EXPLAINED
IN EVERY LANGUAGE."



SUPERBIBLE.TV